

15/09/1998

Krugman syor ada badan kawal spekulator

PAKAR ekonomi dari Amerika Syarikat, Paul Krugman yang terkenal dengan kecaman hebatnya terhadap cara Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menangani isu ekonomi di Asia Timur, sekali lagi muncul dengan idea bernas - perkenalkan peraturan bagi mengekang konspirasi spekulatif terhadap sesebuah negara.

Profesor ekonomi di Massachusetts Institute of Technology itu, berkata konspirasi spekulatif terhadap syarikat boleh dikawal selia oleh pihak berkuasa sesebuah negara.

"Bagaimana pula konspirasi spekulatif terhadap sesebuah negara? Memang susah untuk membayangkan bagaimana untuk mewujudkan institusi antarabangsa untuk memainkan fungsi ini.

"Misalnya, institusi antarabangsa ini boleh mendakwa peniaga Amerika yang bekerja di London kerana memanipulasi pasaran di China. Buat masa ini, ia nampak begitu sukar untuk dilaksanakan," katanya dalam keluaran terbaru majalah Fortune.

Krugman mengaitkan betapa pihak berkuasa Hong Kong dan Malaysia cuba mengekang kegiatan spekulatif, namun apa yang dipersoalkan oleh pakar ekonomi itu ialah siapa pula boleh menjadi badan kawal selia dunia untuk mengambil tindakan terhadap sebarang konspirasi pasaran ke atas sesebuah negara.

Malaysia baru-baru ini memperkenalkan peraturan kawalan tukaran mata wang untuk menamatkan terus kegiatan serangan spekulatif ke atas ringgit di luar pesisir.

Katanya, pada peringkat awal dakwaan wujud konspirasi terhadap ekonomi di Asia itu datang daripada suara anti-Barat seperti Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi kali ini pula datang daripada teknokrat seperti Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong, Joseph Yam.

"Jika Yam begitu yakin terdapat konspirasi, mengapa tidak muncul dengan bukti dan bawa mereka yang bertanggungjawab itu untuk disoal siasat. Jawapannya, kawal selia apa?"

"Jika saya ingin berkomplot terhadap pasaran saham sebuah perbadanan Amerika Syarikat, itu adalah bercanggah dengan peraturan Amerika. Tetapi sekiranya dana lindung nilai di New York menyerang pasaran kewangan di luar negara itu, tidak jelas siapa, jika ada, mempunyai bidang kuasa," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Hong Kong terkenal dengan sikap keterbukaan dalam pasaran tetapi baru-baru ini campur tangan di pasaran dan mengisytiharkan peperangan besar-besaran terhadap spekulator. Apa dah jadi dengan dasar tidak campur tangan?

"Saya tidak boleh mengesah atau menafikan konspirasi spekulator terhadap Hong Kong. Namun, ramai ahli ekonomi setuju ada syarat mata wang mungkin tertakluk kepada apa yang dikenali sebagai `serangan spekulatif bagi memenuhi cita rasa sendiri... dengan mata wang kukuh dipaksa diturun nilainya kerana keyakinan pelabur terhakis," katanya.

(END)